

Johor Bahru ditenggelami banjir

JOHOR BAHRU — Pusat bandar raya ini lumpuh setelah beberapa kawasan dan jalan utama ditenggelami air akibat banjir kilat ekoran hujan lebat selama lebih sejam di sini petang semalam.

Dalam kejadian pukul 1 petang itu, lokasi terjejas teruk akibat banjir ialah kawasan premis perniagaan di sekitar projek pembangunan Sungai Segget di Jalan Wong Ah Fook di sini apabila air naik sedalam 1.5 meter.

Jalan Wong Ah Fook yang merupakan laluan utama ke kawasan segitiga emas yang menempatkan dua buah kompleks beli-belah seperti Komtar JBCC dan City Square turut digenangi air hingga ke paras kaki lima hingga menyebabkan ratu-

san pengguna kenderaan terperangkap di beberapa batang jalan.

Selain itu, jalan lain yang turut dinaiki air ialah Jalan Tun Razak, Jalan Meldrum, Jalan Siu Chin, Jalan Sulaiman, kawasan Stulang Darat dan Jalan Nong Chik.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisyoner Sulaiman Salleh berkata, banjir kilat tersebut berlaku disebabkan hujan lebat yang luar biasa sehingga kawasan yang terjejas telah digenangi air hampir sejam.

“Dianggarkan 20 buah kenderaan dipercayai terperangkap dalam banjir kilat setinggi 1.5 meter atau paras pinggang, namun tiada sebarang kemalangan jiwa dilaporkan,” ka-

tanya ketika dihubungi di sini semalam.

Akibat banjir kilat itu, Sulaiman memberitahu, beberapa jalan termasuk Jalan Wong Ah Fook yang menghala ke Komtar JBCC dan City Square ditutup daripada sebarang lalu lintas dan pengguna jalan raya dinasihatkan mencari jalan alternatif.

“Bagaimanapun, banjir kilat di kawasan terlibat dilaporkan mulai surut pada pukul 2.15 petang dan satu lorong jalan sudah mula dibuka kepada lalu lintas dan meminta pengguna jalan raya mematuhi arahan polis,” ujarnya.

Sementara itu, Pegawai Operasi Bomba dan Penyelamat Johor Bahru, Pegawai Bomba Kanan II, Khairul Azhar Aziz berkata, pihaknya turut membantu mengeluarkan tiga mangsa yang terperangkap di dalam kereta di Jalan Wong Ah Fook.



SULAIMAN



KEADAAN beberapa jalan utama termasuk Jalan Wong Ah Fook dan Jalan Tun Razak di pusat bandar raya ditenggelami air selepas hujan lebat selama sejam di Johor Bahru semalam.